

Cuepacs, JPA berbincang adakan taklimat dengan pemimpin kesatuan

UM 30 JUL 2002
KUALA LUMPUR 29 Julai — Kongres Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) sedang mengadakan perbincangan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk mengadakan taklimat kepada pemimpin kesatuan sekerja kerajaan berkaitan pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang diumumkan hari ini.

Setiausaha Agung Cuepacs, Abdul Rahman Manan berkata, taklimat tersebut akan diadakan secepat mungkin sebelum pengedaran surat tawaran pelaksanaan SSM oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

“Kita akan usahakan supaya JPA mengadakan majlis taklimat itu secepat mungkin, kalau boleh bulan depan atau sebelum tarikh pengedaran surat tawaran pelaksanaan SSM,” katanya kepada Utusan Malaysia ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau berkata, taklimat peringkat pertama akan melibatkan pemimpin-pemimpin Majlis Bersama Kebangsaan (MBK).

Jelasnya, selepas taklimat tersebut satu mesyuarat khas majlis kongres akan diadakan untuk memperakukan penerimaan SSM oleh kakitangan perkhidmatan awam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan SSM bagi menggantikan Sistem Saraan Baru (SSB) di Putrajaya.

Sistem baru itu akan mengambil alih SSB yang telah dilaksanakan sejak tahun 1992 selepas kerajaan menerima bantahan berkaitan pelaksanaannya yang dikatakan tidak adil.

Antara kandungan utama SSM ialah menghadkan kuasa mutlak ketua-ketua jabatan dalam menentukan kenaikan pangkat kakitangan dan digantikan dengan pelantikan panel penilai khas.

Selain itu, SSM turut menawarkan lebih banyak peluang kenaikan pangkat.